

SULIT
3756/1
PRINSIP
PERAKAUNAN
OKTOBER
2004
1¼ JAM

3756/1

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2004

TINGKATAN : EMPAT

PRINSIP PERAKAUNAN

KERTAS 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Fikirkan dengan teliti ketika memilih jawapan anda. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan hitamkan pilihan anda yang baru.

Kertas ini mengandungi 11 halaman bercetak.

SULIT

1. En. Abu telah membayar sewa rumahnya RM300 menggunakan wang perniagaan dan dicatat sebagai sebahagian belanja sewa kedai . Nyatakan konsep yang tidak dipatuhi oleh En. Abu.
- A Entiti Berasingan
 - B Pemadanan Hasil dan Belanja
 - C Wang sebagai ukuran
 - D Tempoh Perakaunan
2. Konsep dan prinsip perakaunan mesti dipatuhi dalam mencatat urus niaga . Kenyataan berikut adalah mematuhi konsep dan prinsip perakaunan **KECUALI**
- A Tanah yang dibeli akan dicatat dengan harga kos, walaupun nilainya meningkat pada keesokan harinya
 - B Pertama Book Store menetapkan susut nilai asetnya 20% apabila untungnya meningkat dan 5% apabila mengalami kerugian pada tahun berikutnya.
 - C Urus niaga pembelian kenderaan secara tunai dicatat dalam buku tunai dan lejar am iaitu Akaun Kenderaan
 - D Hanya urus niaga yang boleh diukur dengan nilai wang sahaja dicatat.
3. Perniagaan mesti mencatat urus niaga mengikut undang-undang dan peraturan yang berpatutan bagi urus niaga yang membawa kesan yang besar ke atas penyata kewangan. Ini adalah selaras dengan prinsip
- A Prinsip Catatan Beregu
 - B Entiti berasingan
 - C Materialiti
 - D Ketekalan
4. Berikut adalah aset semasa bagi sesebuah perniagaan **KECUALI**
- A Bank berbaki kredit
 - B Penghutang
 - C Stok Akhir
 - D Sewa dibayar terdahulu
5. Aset adalah harta bagi sesebuah perniagaan. Aset yang tahan lama dan boleh digunakan berulang-ulang kali bagi menjana pendapatan bagi perniagaan adalah
- A Aset Semasa
 - B Aset Tak Ketara
 - C Aset Tahun Lama
 - D Aset Bukan Semasa
6. Hasil dan belanja terbahagi kepada 2 iaitu kendalian dan bukan kendalian. Pilih kenyataan yang benar mengenai pengelasan hasil dan belanja.

A	Jualan perabot terpakai	Hasil Kendalian
B	Faedah atas simpanan tetap	Hasil Bukan Kendalian
C	Derma	Belanja Kendalian
D	Gaji pekerja	Belanja Bukan Kendalian

SULIT

7. Aset perniagaan boleh dibahagikan kepada Aset Semasa dan Aset Bukan Semasa. Aset Semasa perniagaan merujuk kepada kenyataan berikut **KECUALI**
- A Aset mudah ditukar kepada bentuk tunai dalam tempoh 1 tahun
 - B Boleh digunakan berulang-ulang kali dan tahan lama
 - C Nilainya sentiasa berubah-ubah dalam tempoh 1 tahun perakaunan
 - D Tunai di bank adalah salah satu daripada aset semasa
8. Liabiliti adalah hutang perniagaan kepada pihak luar. Hutang perniagaan yang mana tempoh pembayarannya lebih daripada 1 tahun dikenali sebagai
- A Liabiliti semasa
 - B Liabiliti bukan semasa
 - C Liabiliti tak ketara
 - D Liabiliti dalaman
9. Butiran berikut adalah Ekuiti Pemilik **KECUALI**
- A Untung Kasar
 - B Modal
 - C Ambilan
 - D Rugi Bersih
10. Buku Catatan Pertama terdiri dari Jurnal (Jurnal Am dan Jurnal Khas) dan Buku Tunai. Jurnal Am digunakan untuk merekod
- I Catatan Pembukaan
 - II Modal Tambahan
 - III Beli aset untuk perniagaan secara kredit
 - IV Jualan barang niaga secara kredit
- A I,II dan III
 - B II, III dan IV
 - C I, III dan IV
 - D I, II dan IV
11. Apabila seorang peniaga menerima satu invois yang menyatakan bahawa beliau telah membeli barang niaga dan masih belum menjelaskan pembayarannya, maka beliau akan merekodkan urus niaga berikut di dalam
- A Buku Tunai
 - B Jurnal Jualan
 - C Jurnal Am
 - D Jurnal Belian

SULIT

12. Catatan kontra dalam Buku Tunai perlu ditanda dengan \surd atau K di lajur folio. Apakah yang dimaksudkan dengan catatan kontra dalam Buku Tunai.
- A Merujuk kepada keadaan di mana perbelanjaan melebihi pendapatan.
 - B Merujuk kepada pengeluaran tunai di bank ke kedai dan sebaliknya
 - C Merujuk kepada pemindahan tunai dari kediaman ke perniagaan
 - D Merujuk kepada situasi pemilik membawa masuk tunai ke dalam perniagaan.

Soalan 13 dan 14 adalah berdasarkan dokumen di bawah yang di ambil daripada buku perniagaan Chong

Haribulan	:	2 September 2001
Penerima	:	----- Encik Alex Choo
Kerana	:	----- Deposit sewa -----

	Ringgit	Sen
Baki akhir	15 500	00
Dimasukkan	-----	----
Jumlah	21 665	00
Cek ini	1 050	00
Baki	14 450	00

No. 615000

13. Nilai yang akan dimasukkan ke dalam Buku Tunai ialah
- A RM21 665
 - B RM15 500
 - C RM14 450
 - D RM1 050
14. Membeli perabot berharga RM2 000 secara kredit daripada Kedai Perabot Arman. Catatan bergu bagi urusan di atas ialah
- A Debit Akaun Belian, Kredit Kedai Perabot Arman
 - B Debit Akaun Perabot, Kredit Kedai Perabot Arman
 - C Debit Kedai Perabot Arman, Kredit Akaun Perabot
 - D Debit Kedai Perabot Arman, Kredit Akaun Belian
15. Berdasarkan invois di sebelah, Medi's Pharmacy akan mencatatkan urusan niaga di atas ke dalam Buku Catatan Pertama
- A Jurnal Belian
 - B Jurnal Jualan
 - C Buku Tunai
 - D Jurnal Am

ASAL

No. 0778

Kepada
farmasi Chong
15 Bangunan Maju Jaya
Kuala Terengganu

MEDIS PHARMACY
2101-A, Jalan Mahmeru
Kuantan, Pahang

INVOIS

Tarikh : 10 September 2004

KUANTITI	BUTIR	HARGA SEUNIT RM	JUMLAH RM
2 kotak	Vicks vaporub	705.60	1 411.20
2 kotak	Tiger balm	403.20	806.40
2 kotak	Eye Mo moist	547.20	1 094.40
10 dozen	Antiseptik - cecair	28.80	288.00
			3600.00
Tolak : Diskaun niaga 20 %			360.00
JUMLAH			3240.00

(Ringgit : Tiga ribu dua ratus empat puluh sahaja)

Syarat : 10% 5 hari, 5 % 10 hari

Serahan : Angkutan dibayar

K. & K. Di K

Abu Ali
Penerima

Sally Wong
Pengurus

16. Membayar gaji dengan cek RM500.00
Berdasarkan pernyataan di atas, Akaun Gaji yang tepat ialah

A
Bank

Akaun Gaji
RM
500

B

Akaun Gaji

Bank RM
500

C

Bank

Akaun Bank
RM
500

D

Akaun Tunai

Bank RM
50

17. Lejar Subsidiari terbahagi kepada Lejar Belian dan Lejar Jualan. Apakah jenis akaun disediakan dalam Lejar Jualan.

- A Akaun Hasil
- B Akaun Liabiliti
- C Akaun Penghutang
- D Akaun Pemiutang

18. Akaun Pulangan Jualan

	RM
X	200

Berdasarkan Akaun Pulangan di atas, X dalam lajur butir berkemungkinan

- A Tunai
- B Bank
- C Pelbagai Penghutang
- D Pelbagai Pemiutang

19. Cara merekod urusanniaga ke dalam lejar ialah berasaskan Prinsip Catatan Bergu. Antara yang berikut, yang manakah menghuraikan maksud sistem catatan bergu

- A Setiap urusanniaga melibatkan dua akaun
- B Setiap urusanniaga melibatkan dua butiran
- C Apabila satu akaun didebitkan, satu lagi akaun dikreditkan
- D Jumlah debit sentiasa sama dengan jumlah kredit

20. Akaun X menunjukkan baki kredit pada akhir bulan. Hal ini menunjukkan

- I X ialah penghutang perniagaan
- II Jumlah debit melebihi jumlah kredit
- III X ialah pemiutang perniagaan
- IV Jumlah kredit melebihi jumlah debit

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

21. Maklumat daripada Imbangan Duga yang tepat akan digunakan untuk menyediakan semua yang berikut **KECUALI**

- A Kunci Kira-kira
- B Penyata Pendapatan
- C Akaun Untung Rugi
- D Buku Catatan Pertama

22. Imbangan Duga merupakan satu senarai baki-baki akaun yang diambil daripada Lejar pada satu tarikh tertentu.

Antara berikut, yang manakah **BENAR** mengenai tujuan Imbangan Duga disediakan?

- I Memastikan ketepatan pembukuan catatan dalam lejar
 - II Memastikan ketepatan catatan bergu
 - III Memastikan ketepatan pengiraan
 - IV Memastikan ketepatan catatan dalam buku catatan pertama
-
- A I, II, dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

23. Imbangan Duga adalah satu senarai baki-baki akaun. Antara yang berikut, yang manakah ditunjukkan di sebelah debit Imbangan Duga?

- A Pulangan Belian
- B Sewa diterima
- C Angkutan Keluar
- D Stok Akhir

24.

Imbangan Duga Pada 30 September 2004

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Sewa	1 200.00	
Diskaun		200.00

Merujuk kepada Imbangan Duga di atas pernyataan manakah yang **BENAR**?

- A Sewa diterima RM1 200 , Diskaun diterima RM200
- B Sewa dibayar RM1 200, Diskaun dibayar RM200
- C Sewa dibayar RM1 200, Diskaun diterima RM200
- D Sewa diterima RM1 200, Diskaun diberi RM200

25. Hutang lapuk ialah hutang yang tidak dapat dikutip pada akhir tempoh perakaunan

Antara yang berikut, yang manakah **TIDAK** benar mengenai hutang lapuk.

- A Suatu kerugian kepada perniagaan
- B Berlaku sebab penghutang tidak dapat dikesan lagi
- C Akaun hutang lapuk dipindah ke sebelah kredit Akaun Untung Rugi
- D Suatu hutang yang pasti tidak dapat dibayar oleh penghutang.

26. Penyata Kewangan bagi sesebuah perniagaan disediakan pada setiap akhir tempoh perakaunan. Penyata kewangan sesebuah perniagaan terdiri daripada:

- I Penyata Pendapatan
- II Buku Catatan Pertama
- III Kunci Kira-Kira
- IV Dokumen Perniagaan

SULIT

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

27.

Akaun perniagaan bagi tahun berakhir 31 Oktober 2004

Stok Awal	9 000	Jualan	39 000
Belian	<u>24 500</u>	(-) Pulangan	5 300
	33 500		
Stok Akhir	<u>6 300</u>		
Q	27 200		
Untung Kasar	R		

Berdasarkan Akaun Penamat di atas Q dan R ialah....

	Q	R
A	Kos Jualan	RM6 500
B	Kos Barang untuk dijual	RM6 500
C	Kos Belian	RM6 500
D	Kos Jualan	RM17 100

28. Buku tunai runcit digunakan untuk mencatatkan pembayaran bagi perbelanjaan secara kecil-kecilan dan berulang. Antara pernyataan yang berikut manakah BENAR tentang Buku Tunai Runcit.

- I Merupakan salah satu komponen Buku Catatan Pertama.
- II Sistem Panjar digunakan untuk mengendalikan dana tunai runcit
- III Merekodkan segala penerimaan dan pembayaran tunai dan cek
- IV Dapat mengurangkan butir untuk belanja kecil-kecilan dalam Buku Tunai.

- A I dan II
- B II dan III
- C I dan IV
- D III dan IV

29. Maklumat berikut berkaitan dengan komisen diterima

	RM
Komisen belum diterima 1 Jan 2004	160
Komisen diterima terdahulu 31 Dis 2004	320
Komisen diterima sepanjang tahun	4 800

Jika perakaunan asas akruan digunakan, komisen patut diterima bagi tahun berakhir 31 Disember 2004 ialah

- A RM4 800
- B RM4 960
- C RM4 320
- D RM5 280

Soalan 30 hingga soalan 33 berdasarkan Kunci Kira-kira yang berikut:

Kunci Kira-Kira pada 31 Oktober 2004

	RM	RM		RM	RM
Aset Bukan Semasa			Ekuiti Pemilik		
Kenderaan	19 000		Modal		45 000
			Untung Bersih		<hr/>
P	18 000	27 000	(-) Ambilan		2 000
	<hr/>		Modal Akhir		<hr/> 50 250
Aset Semasa			Liabiliti Semasa		
Bank	3 750		Pemiutang	4 400	
Stok Akhir	5 500		R	600	
Penghutang	8 800		Sewa terakru	300	
Q	500				
		<hr/> 55 550			<hr/> 55 550

30. Untung bersih perniagaan ialah:
- A RM 7 250
 B RM 50 250
 C RM 44 950
 D RM 52 250
31. Butiran P mungkin
- A Belanja Premis
 B Pinjaman Bank
 C Alatan Pejabat
 D Alatan Tulis
32. Butiran Q mungkin merupakan
- I Bank
 II Insurans terdahulu
 III Sewa diterima terakru
 IV Caruman KWSP terakru
- A I, II dan III
 B II, III dan IV
 C I, III dan IV
 D I, II dan IV
33. Pilih butiran yang BUKAN kemungkinan bagi R
- I Sewa dibayar terdahulu
 II Faedah atas overdraf terakru
 III Gadai janji
 IV Overdraf Bank
- A I dan II
 B II dan IV
 C I dan III
 D III dan IV

SULIT

34. Perniagaan Ali mendapati gaji pekerja belum dibayar sebanyak RM 500. Dalam Kunci Kira-kira, beliau akan merekodkan sebagai

- A Aset Semasa
- B Liabiliti Semasa
- C Aset Bukan Semasa
- D Liabiliti Bukan Semasa

35. Perniagaan Melati telah membayar Insurans kedai tahunan RM3 600 pada 1 Mac 2003. Tempoh perakaunan berakhir 31 Dis 2003, berapakah jumlah insurans yang akan direkodkan dalam Penyata Pendapatan?

- A RM300
- B RM600
- C RM3 000
- D RM3 600

36.

Butiran	Jumlah	Terakru	Terdahulu	Akaun Untung Rugi	Kunci Kira -Kira
i) Insurans	600	-	50	550	50
ii) Komisen diterima	430	80	-	510	80
iii) Gaji	4800	-	300	4500	4800
iv) Sewa diterima	2600	-	200	2400	200

Jadual di atas menunjukkan pelarasan belanja dan hasil. Antaranya yang manakah benar?

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D I, III dan IV

37. Butiran berikut diambil daripada Imbangan Duga Perniagaan Jaya Maju pada 30 September 2004.

Butiran	Dt.	Kt.
Pemiutang	8800	
Peruntukkan Hutang Ragu		380

Perniagaan Jaya Maju bercadang menghapuskan hutang lapuk sebanyak RM400 memperuntukkan hutang ragu 5% dan baki penghutang. Hitung nilai perutukan hutang ragu.

- A RM440
- B RM420
- C RM60
- D RM40

38

Butiran	Jumlah	Terakru	Terdahulu	Akaun Untung Rugi	Kunci Kira – Kira
i) Insurans	600	-	50	550	50
ii) Komisen diterima	430	80	-	510	80
iii) Gaji	4800	-	300	4500	4800
iv) Sewa diterima	2600	-	200	2400	200

Jadual di atas menunjukkan pelarasan belanja dan hasil. Antaranya yang manakah benar?

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D I, III dan IV

39. Butiran berikut diambil daripada buku – buku catatan perniagaan R. Jailani :

Kos mesin fotostat (dibeli pada Januari 2003)	RM 8000
Jangka usia kegunaan	5 tahun
Nilai skrap	500
Tahun kewangan	Setiap 31 Disember

Berapakah susut nilai mesin fotostat bagi tahun berakhir 31 Disember 2003.

- A RM1 600
- B RM1 500
- C RM1 400
- D RM1 300

40. Antara berikut, yang manakah adalah sebab – sebab wujudnya hutang lapuk ?

- I Penghutang telah meninggal dunia
- II Penghutang telah melarikan diri dan tidak dapat dikesan.
- III Peniaga mempunyai terlalu ramai penghutang .
- IV Penghutang diisytiharkan muflis atau bankrap .

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D I, III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT